

# Penyertaan sulung pelajar tari UMS rangkul dua anugerah di BHF 2017

UB 19.5.17 BIO

**PENYERTAAN**  
sulung kumpulan tari  
Artums D'Elite Fakulti  
Kemanusiaan, Seni dan  
Warisan (FKSW) Universiti  
Malaysia Sabah (UMS)  
membawa hasil apabila  
berjaya merangkul dua  
anugerah pada Festival Tari  
Borneo Hornbill 2017.

UMS memenangi  
anugerah Kostum  
Dramatari Terbaik dan  
Koreografi Dramatari  
Terbaik pada festival itu  
yang berlangsung di Radio  
Televisyen Malaysia (RTM)  
Angkasapuri Kuala Lumpur,  
baru-baru ini.

Menurut penyarah  
FKSW Sharip Zainal Sagkif  
Shek yang juga koreografi  
kumpulan Artums D'Elite,  
seramai 12 pelajar UMS yang  
mengikuti festival itu terdiri  
daripada pelajar tahun 1, 2  
dan pascasiswazah.

"Ini merupakan  
penyertaan pertama buat  
pelajar tari FKSW dan  
saya harap ia akan menjadi  
pendorong kepada semua  
pelajar terutama pelajar tari  
FKSW untuk melangkah  
lebih jauh dan terkenal di  
peringkat antarabangsa,"  
katanya ketika dihubungi  
media.

Tambah beliau UMS  
juga akan turut menyertai  
beberapa festival yang  
akan berlangsung pada  
Ogos dan September tahun  
ini, iaitu Festival Tari  
Borneo 2017 di Labuan dan  
Festival Koreografi 2017  
di Universiti Teknologi  
Petronas Perak.

Pada festival itu,  
kumpulan Artums D'Elite  
diringi oleh Artis Budaya  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
UMS, Norain Abd Razak.

**KUMPULAN Artums D'Elite  
membawa pulang dua  
trofi kemenangan.**

